

27 NOV, 2019

## Sekolahku Universitiku terima peruntukan RM2 juta

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

*Galak mahasiswa dan universiti bantu tambah baik fasiliti serta pembangunan akademik sekolah*

SARINA MOHD SOM

PUTRAJAYA

**B**agi menggalakkan mahasiswa dan universiti membantu menambah baik fasiliti dan pembangunan akademik sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperuntukan RM2 juta bagi pelaksanaan program Sekolahku Universitiku.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM500,000 diperuntukkan untuk aktiviti pada tahun 2019 manakala baki RM1.5 juta bagi tahun 2020.

Perkara itu dinyatakan sendiri, Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik ketika merasmikan Program Sekolahku Universitiku di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Pantai, Kuala Lumpur 22 Oktober lalu.

Majlis Pelancaran Program Sekolahku Universitiku dianjurkan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Malaya (UM) dan SK Bukit Pantai dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan KPM.

Sekolahku Universitiku adalah salah satu usaha menggalakkan mahasiswa dan universiti membantu menambah baik fasiliti dan pembangunan akademik di sekolah-sekolah yang terpilih mengikut bidang dan keupayaan masing-masing.

Program itu bukan sahaja dapat memberi peluang kepada pelajar sekolah menikmati pembangunan, bahkan satu usaha untuk meningkatkan hubungan antara universiti dengan masyarakat.

Sekolahku Universitiku melibatkan penyertaan 20 Universiti Awam, empat universiti berkaitan kerajaan (GLU) dan 43 buah sekolah terpilih di seluruh negara.

Biarpun berhadapan dengan beberapa faktor kritikal seperti jadual persekolahan yang tidak sama dengan jadual universiti dan



Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik melakukan gimik pelancaran ketika majlis pelancaran Sekolahku Universiti di Sekolah Kebangsaan Bukit Pantai, Bangsar, disaksikan oleh Naib Canselor UPNM, Letenan Jeneral Datuk Abdul Halim Jalal (tengah), Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Dr Mohd Gazali Abas (kiri) dan Guru Besar SK Bukit Pantai, Shaharuddin Eusop (kanan).



Maszlee ketika menyampaikan ucapan perasmian pada majlis pelancaran Sekolahku Universiti di SK Bukit Pantai, Bangsar.

telah pun mula menjalankan program Sekolahku Universitiku pada tahun ini.

Malah, menerusi program tersebut juga, KPM berjaya menarik 1,761 orang sukarelawan pada tahun ini berbanding sasaran asal seramai 200 orang sahaja.

Menerusi program perkongsian pintar, KPM memerlukan komitmen dan kerjasama mahasiswa daripada UA dan GLU untuk melaksanakan program berbentuk kesukarelawanan, pemulihan dan penambahbaikan, keceriaan,

Perancangan dan Penyelidikan Dasar (EPRD).

Menurut KPM, program Sekolahku Universitiku akan dijalankan secara berperingkat bermula tahun ini sehingga tahun 2020.

"Pelaksanaan program ini memberi tumpuan kepada dua skop utama, iaitu Komponen Pembangunan Karakter dan Insaniah serta Komponen Penambahbaikan Infrastruktur Sekolah.

"Komponen Pembangunan Karakter dan Insaniah melibatkan

perancangan program seperti pembangunan modul yang bersesuaian untuk membentuk serta meneguh pembangunan karakter selain insaniah pelajar sekolah," katanya.

Mahasiswa IPT akan digerakkan sebagai mentor untuk melaksanakan aktiviti berbentuk akademik, motivasi, sahsiah, kepimpinan, inovasi dan program lain melalui medium seperti bengkel, kelas, kursus, dan klinik kepada pelajar sekolah yang terlibat.

Selain itu, komponen Penambahbaikan Infrastruktur Sekolah pula melibatkan peranan IPT dan industri menyumbang untuk melaksanakan baik pulih infrastruktur serta prasarana sekolah kategori lima dan ke bawah.

"Ini dilakukan agar pelajar berada dalam suasana pembelajaran yang lebih selesa," katanya.

Walaupun bagaimanapun, proses tersebut bergantung kepada perkhidmatan serta kepakaran teknologi dan pembinaan yang ada pada IPT serta peruntukan.

Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah baik pulih kelas seperti pendawaian elektrik, pembinaan, pemuliharaan ringkas bangunan darjah, mengecut bangunan sekolah, menambahbaik fasiliti sedia ada, menaiktaraf landskap dan sebagainya.

Pun begitu, kepakaran dan kemahiran pensyarah, kaki tangan dan mahasiswa IPT akan digembleng bagi merealisasikan projek baik pulih yang bersesuaian di sekolah yang terpilih.

**Sekolahku Universitiku adalah salah satu usaha menggalakkan mahasiswa dan universiti membantu menambahbaik fasiliti dan pembangunan akademik di sekolah-sekolah yang terpilih mengikut bidang dan keupayaan masing-masing.**

kekangan masa mahasiswa yang terhad serta sibuk dengan tugas dan peperiksaan, namun terbukti bahawa sukarelawan mahasiswa ini dapat menguruskan dan menjalankan program Sekolahku Universitiku ini dengan jayanya.

Sebanyak 14 universiti awam

pembangunan karakter dan aktiviti lain di 43 buah sekolah terpilih.

Sekolah yang dipilih merupakan sekolah yang dikategorikan pada skala empat dan lima berdasarkan laporan kategori sekolah oleh Bahagian



Dr Maszlee Malik merasmikan pusat sumber SK Bukit Pantai, Bangsar, disaksikan oleh Naib Canselor UPNM, Letenan Jeneral Datuk Abdul Halim Jalal (tengah) dan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Dr Mohd Gazali Abas (kiri).